



Rujukan: UKM SWZ-100-1/3/1  
Tarikh: 10 Mac 2021

**PEKELILING PUSAT SISWAZAH BIL. 6/2021**

Dekan/Pengarah  
Fakulti/Institut  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Pengajian Pascasiswazah)  
Fakulti/Institut  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar  
(Pengajian Pascasiswazah)  
Fakulti/Institut  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PERLANJUTAN PENGHANTARAN TESIS/DISERTASI BAGI PELAJAR MOD  
PENYELIDIKAN / CAMPURAN YANG TERLEPAS TEMPOH PENGHANTARAN**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) UKM Bil. 1/2021 pada 15 Februari 2021 telah bersetuju tiada bayaran dikenakan kepada pelajar siswazah mod penyelidikan / campuran yang terlepas tempoh penghantaran tesis/disertasi seperti yang dinyatakan dalam Kalendar Sesi Akademik UKM.
3. Pelajar siswazah yang terlepas tempoh di atas, boleh mengemukakan tesis/disertasi untuk pemeriksaan selewat-lewatnya **sebelum/pada minggu ke-3 pengajian** kepada Urusetia Siswazah Fakulti/Institut masing-masing tanpa dikenakan yuran penuh pengajian seperti praktis terdahulu.
4. Urusetia Siswazah Fakulti/Institut bertanggungjawab merekodkan tarikh penerimaan tesis/disertasi dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan **memastikan pelajar ini membuat pendaftaran selepas minggu ketiga bagi mengelakkan dikenakan yuran pengajian dan masih dalam tempoh pengajian.**



**PUSAT SISWAZAH**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3100 Faks: +603-8925 2699 E-mel: dpps@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatsiswazah



5. Bagi pelajar yang gagal mengemukakan tesis dalam tempoh yang ditetapkan (Minggu Ke-3 Pengajian), pelajar tersebut akan dikenakan yuran penuh pengajian serta denda lewat mendaftar. Tiada rayuan akan dipertimbangkan dan pelaksanaan keputusan ini berkuatkuasa mulai Semester 2 Sesi Akademik 2020/2021.


6. Pekeliling ini boleh dimuat turun melalui pautan berikut: ([shorturl.at/auBT2](http://shorturl.at/auBT2)) dan menjadi tanggungjawab Fakulti/Institut untuk menyampaikan pemakluman ini kepada pelajar & staf akademik. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Nama/Jawatan/Jabatan	Alamat Emel/Tel.
<b>Prof. Madya Dr. Wan Hanna Melini Wan Mohtar</b> Ketua, Tadbir Urus Kualiti Pengajian Siswazah	<a href="mailto:kualitips@ukm.edu.my">kualitips@ukm.edu.my</a> Tel: 03-8921 3100
<b>Puan Rafidah Hassan</b> Unit Tadbir Urus Kualiti Pengajian Siswazah	

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Prof.Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

  
**PROF. DR. SARANI ZAKARIA**  
Pengarah  
Pusat Siswazah, UKM

s.k;

- Pengarah, Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), UKM
- Timbalan Pengarah, Pusat Siswazah, UKM
- Ketua, Tadbir Urus Kualiti Pengajian Siswazah, Pusat Siswazah, UKM
- Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik (PPA), UKM  
(*Mohon kerjasama PPA untuk memastikan denda lewat mendaftar bagi pelajar yang telah menyerahkan tesis sebelum atau pada minggu ketiga kuliah tidak dinaikkan*)
- Bendahari, UKM



**PUSAT SISWAZAH**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3100 Faks: +603-8925 2699 E-mel: [dpps@ukm.edu.my](mailto:dpps@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/pusatsiswazah](http://www.ukm.my/pusatsiswazah)

